

# Isu tanah 19 keluarga India selesai

» Kerajaan Perak beli, beri kepada penduduk

Oleh Shaarani Ismail dan Farah Suhaidah Othman  
bhnews@bh.com.my

## Gerik

Kerajaan Perak berjaya menyelesaikan isu pemilikan tanah 19 keluarga masyarakat India di Kampung Ramasamy, di sini yang tertunggak sejak puluhan tahun.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata masalah itu sebelum ini gagal di-

selesaikan kerana membabitkan dua pihak, iaitu pemilik tanah dan penduduk hingga kerajaan negeri buat keputusan membeli tanah berkenaan dan memberikan hak milik kepada penduduk.

“Walaupun jumlah masyarakat India (Hulu Perak) kecil, ia tidak bermakna kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak memberi perhatian untuk menyelesaikan masalah mereka di kawasan Gerik dan Lenggong,” katanya ketika merasmikan Ladang dan Pusat Rekreasi Agrotourism Sungai Rui Temenggor, di sini, semalam.

Ladang Sungai Rui di Kilometer 25 Lebuhraya-Gerik Kupang mula dibuka pada 2013 dengan luas kawasan bertanam 823.19 hektar.

Bentuk muka bumi di situ memberi nilai tambah untuk di-



Zambry merasmikan Pusat Rekreasi Agrotourism Sungai Rui di Gerik, semalam. [FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]

bangunkan sebagai agropelancongan menerusi rekreasi alam.

### UMNO ada sistem sendiri

Dalam perkembangan lain, Zambry yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak, berkata UMNO ada sistem sendiri untuk mengambil tindakan atau buat keputusan, termasuk terhadap pemimpin atau ahlinya.

“Setiap parti ada struktur dan sistemnya. Biar perkara itu diserahkan kepada pucuk kepimpinan membuat keputusan,” katanya mengulas desakan beberapa Ahli Majlis Tertinggi parti yang mahu Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin meletakkan jawatan berikutan tindakannya dilihat bertentangan dengan presiden parti.